

27 APR 2003

SARS-Bank

BANK PERDAGANGAN DIMINTA BERSIMPATI TERHADAP PENGUSAHA HOTEL

MUAR, 27 April (Bernama) -- Bank perdagangan diminta bersimpati terhadap pengusaha hotel dan syarikat pelancongan yang terjejas teruk akibat kesan penyakit Sindrom Pernafasan Akut Yang teruk (SARS).

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed berkata keputusan akhir bagaimanapun terletak pada pihak bank untuk menimbangkan cadangan itu yang bertujuan meringankan masalah yang dihadapi oleh industri pelancongan negara.

"Kita (MTEN) telah pun mencadangkan kepada bank-bank agar lebih bersimpati kepada syarikat-syarikat pelancongan yang terjejas teruk akibat SARS," katanya pada sidang media selepas merasmikam mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Bakri di Maktab Rendah Sains MARA, Bakri di sini hari ini.

Mustapa, yang juga Anggota Majlis Tertinggi Umno, berkata berdasarkan pengalaman negara ketika menghadapi kegawatan ekonomi pada tahun 1997-1998 lalu, beliau percaya pihak bank bersedia memberi kerjasama.

Katanya kesan SARS terhadap ekonomi Dunia adalah lebih buruk daripada pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq.

"SARS bukan sahaja telah menimbulkan krisis keyakinan ke atas pelabur, malah menyebabkan masyarakat tidak mahu pergi melancong," katanya.

Menurutnya keadaan itu menyebabkan syarikat pengangkutan, termasuk Keretapi Tanah Melayu Berhad dan Penerbangan Malaysia (MAS) terpaksa mengurangkan penerbangan ke negara yang dijangkiti SARS.

Katanya keadaan itu menyebabkan aliran tunai syarikat yang berkaitan dengan industri pelancongan, terjejas.

Mengenai kritikan majalah The Economist terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Mustapa berkata tindakan memperlekehkan kewibawaan kepimpinan negara adalah sesuatu yang amat mendukacitakan.

"Dr Mahathir adalah seorang pemimpin yang banyak berjasa kepada negara dan dunia. Laporan itu tidak adil, berat sebelah dan sedikit sangat menonjolkan kejayaan Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

SO BH LAT